



MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA SURAU AL-QUDDUS, PRESINT 16, PUTRAJAYA (2026)

Tarikh : 21 Jun 2026 (Ahad)
Masa : 07.30 Pagi – 09.00 Pagi
Tempat : Masjid Mahmoodiah, Presint 18

Kehadiran :

- | | | |
|-----------------------------------|---|-----------|
| 1. MUHAMMAD KHAIRI BIN HASHIM | - | Pengerusi |
| 2. MOHD AMEER FIKRY BIN MOHD NOOR | - | SU |
| 3. IMAM GHANI | | |
| 4. BILAL HAADI | | |
| 5. BILAL HJ BAHARUDDIN | | |
| 6. BILAL PAK NIK | | |
| 7. BILAL HJ RAZAK | | |
| 8. NOJA HJ ROZLAN | | |

AGENDA

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.0	TAZKIRAH & TAARUF	
	Buka dengan Al-Fatihah	Makluman
2.0	PERKARA DIBINCANGKAN	
	1. Imam - Imam Fitri dilantik sebagai Imam K4. - Bilal mestilah bersedia untuk menjadi imam sekiranya diperlukan. - Imam yang tidak dapat hadir perlu memaklumkan awal dalam group Imam/Bilal/Noja. 2. Jadual Tugas Bilal - Jadual bilal adalah sama seperti imam (selari). - Sistem “switch” digunakan jika ada ketidakhadiran, seperti amalan biasa. 3. Elaun Petugas - Elaun bilal Haadi ditetapkan setimpal dengan bilal lain termasuk untuk solat Jumaat. - Cadangan penambahan elaun bilal Haadi agar selaras dengan bilal lain diluluskan secara prinsip. 4. Kuota Petugas Syarak - Imam: 4 orang - Bilal: 4 orang - Noja: 2 orang - Perlu mencari seorang lagi Noja untuk melengkapkan kuota. 5. Sistem Elaun Ganti Tugas - Elaun imam & bilal gantian akan diurus seperti sistem SPAA. - Setiap pertukaran perlu dimaklumkan kepada jemaah (10/7 atau mengikut keperluan semasa). 6. Isu Integriti & Lantikan - Hj Deen disamakan peranan dengan Imam Fitri sebagai (Cadangan oleh Pengerusi)	

	• Cadangan untuk menamatkan lantikan Syahid dan melantik Bilal Deen sebagai petugas surau (Cadangan oleh Hj Razak). • Jika Hj Deen dikekalkan, Pak Nik akan diturunkan ke jawatan Noja, namun terdapat isu kelayakan syarat. (Cadangan oleh Pak Nik) 7. Makluman kepada Jemaah • Jemaah akan dimaklumkan bahawa isu Syahid telah dihentikan sejak penukaran AJK baharu. 8. Peranan Pengurus Surau • Pengurus berperanan sebagai orang tengah antara AJK dan petugas syarak. • Sebelum ini terdapat AJK yang terbeban kerana menguruskan semua perkara sendiri. Antara faktor ramai AJK tarik diri • Peranan pengurus perlu diperjelaskan agar membantu kelancaran operasi surau. • Contoh pengurusan baik: Surau Ar-Rahman.	
	9. Perbincangan Tambahan • Ditekankan bahawa apa yang difikirkan dan diperkatakan adalah doa; AJK perlu menjaga mindset. • Penurunan hasil kutipan dikaitkan dengan persepsi dan sangkaan yang perlu diperbetulkan. • Keyakinan bahawa Allah akan membantu jika niat dan usaha diperbetulkan.	
	10. Cadangan Jika Dana Tidak Mencukupi • Jika infak tidak mencukupi, pelan kedua dicadangkan: ◦ Mencari beberapa individu yang sanggup membuat sumbangan tetap atau menanggung elaun untuk petugas syarak.	
3.0	PENUTUP	
	Bilal Pak Nik menegaskan peranan: • AJK: bertanggungjawab mencari dana. • Pengurus: melaksanakan pengurusan operasi dan pentadbiran harian. Mesyuarat ditangguhkan jam 09.00 pagi.	

Disediakan Oleh :

Disahkan Oleh :

.....
Mohd Ameer Fikry Bin Mohd Noor
Setiausaha

.....
Muhammad Khairi Bin Hashim
Pengerusi